

**TEKS UCAPAN  
ALU-ALUAN NAIB CANSELOR**

**DI MAJLIS  
PERHIMPUNAN AGONG MAHASISWA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009  
PADA 10 FEBRUARI 2009**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera*

*Terima kasih Pengerusi Majlis*

---

YB Ir. Dato Idris Harun, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

YBhg Prof. Dr. Amran Ahmed Timbalan Naib Canselor HEP& A

Pegawai-pegawai Utama

YBhg Prof. Madya Dr. Shariff Omang, Dekan Pembangunan dan  
Hal Ehwal Pelajar

Yang Berusaha Presiden MPP

Barisan Exco

Mahasiswa mahasiswi yang dihormati sekalian

1. Terlebih dahulu saya merafakkan setinggi-tingginya rasa kesyukuran kehadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama berkumpul pada malam

ini sempena Majlis Perhimpunan Agong Persatuan Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah 2009 . Perhimpunan Agong Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah 2009 ini adalah anjuran majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008/2009 yang merupakan batu loncatan kepada mahasiswa-mahasiswi universiti Malaysia sabah untuk menyuarakan pandangan, pendapat serta masalah mereka kepada barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008/2009.

2. Pada masa yang sama program ini turut menjadi wadah untuk PMUMS menyampaikan pelbagai informasi kepada mahasiswa mahasiswi Universiti Malaysia Sabah. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Perhimpunan Agong Persatuan Mahasiswa Mahasiswi Universiti Malaysia Sabah ini.
3. Semoga program ini berupaya memaksimakan peranan PMUMS khususnya dalam meningkatkan keterampilan dan semangat waja menjadi mahasiswa mahasiswi yang matang dan tinggi akhlak dan sahsiahnya.

4. Perhimpunan agong persatuan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah merupakan majlis yang diadakan pada setiap tahun. Program ini dijalankan bagi merapatkan lagi hubungan antara para mahasiswa dengan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2008/2009.
5. Melalui program ini maka para mahasiswa dan mahasiswi akan lebih mengenali exco yang akan memperjuangkan segala masalah yang dihadapi oleh para pelajar.

6. Universiti Malaysia Sabah secara tradisinya, sama ada pelajar, tenaga akademik, mahupun kakitangannya komited melaksanakan pelbagai bentuk program yang memberi manfaat kepada sesama warga universiti. Inilah tradisi murni dan mulia yang telah dibudayakan bukan sahaja oleh Universiti Malaysia Sabah malah semua IPTA dan IPTS di negara ini.
7. Oleh itu pada malam ini, kita dapat berhimpun bersama-sama dengan semua staf pimpinan bukan sahaja Majlis Perwakilan Pelajar bahkan juga semua Exco persatuan

sekolah dan kolej kediaman yang turut sama-sama turun ke gelanggang dalam Dewan Canselor yang mulia ini.

8. Pada kesempatan ini saya ingin kembali mengingatkan kepada mahasiswa mahsisiwi sekalian mengenai objektif melanjutkan pelajaran di universiti. Selain mendapatkan segulung ijazah, universiti juga harus dilihat sebagai persinggahan untuk menempuh dunia pekerjaan kelak. Justeru penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kepimpinan dan khidmat masyarakat perlu diperbanyakkan.

9. Oleh kerana itulah saya ingin melihat saudara saudari aktif dalam pelbagai aktiviti semasa di universiti. Libatkanlah diri dalam pelbagai persatuan termasuklah aktiviti beruniform. Jangan sekadar menjadi ahli biasa sahaja, tetapi berusahalah menjadi pemimpin persatuan-persatuan berkenaan, terutama saudara saudari yang masih berada di tahun pertama pengajian.
10. Bagi saya, penglibatan dalam pelbagai aktiviti bukannya untuk dijadikan alasan sukar untuk cemerlang dalam akademik. Penglibatan dalam pelbagai aktiviti sepatutnya memberi impak yang lebih kuat hingga

membantu kecemerlangan akademik. Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum sudah pasti memberi kelebihan kepada mahasiswa mahasiswi sekalian.

11. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ir. Dato' Idris Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, kerana sudi hadir bersama-sama warga UMS pada malam ini. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada persatuan mahasiswa UMS di atas kesungguhan menjayakan majlis ini. Semoga pada tahun akan datang

kerjasama dan komitmen semua pihak bertambah mantap dalam menganjurkan majlis seperti ini.

Sekian wassalamualaikum wbt.